



BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA (FINAS)

GARIS PANDUAN / TATACARA PERMOHONAN SURAT SOKONGAN KEMASUKAN PEKERJA FILEM ASING (PFA)

SYARAT-SYARAT SESEORANG PEKERJA FILEM ASING DISOKONG ADALAH BERDASARKAN KEPADA PERKARA-PERKARA BERIKUT :-

1. Syarikat filem yang mempunyai Lesen Pengeluaran Filem (PF) daripada FINAS yang masih sah tempohnya.
2. Permohonan PFA perlu dibuat melalui Sistem Pengurusan dan Pemantauan Industri Kreatif Negara (SPPIK) secara atas talian (*online*) di pautan www://sppik.finas.my.
3. Satu permohonan bagi setiap seorang kemasukan pekerja filem asing.
4. Setiap permohonan hendaklah disertakan dan memuatnaik dokumen seperti berikut :-
 - a) Salinan pasport pekerja filem asing yang ingin dibawa masuk;
 - b) Resume atau latar belakang berhubung kepakaran, pengalaman dan pencapaian;
 - c) Surat daripada pengeluar filem tempatan yang menyatakan sebab-sebab tenaga asing diperlukan;
 - d) Menyatakan jadual dan lokasi penggambaran;
 - e) Kontrak pekerja dengan syarikat tersebut sekiranya tarikh mula penggambaran melebihi satu tahun; dan
 - f) Salinan Surat Sokongan sekiranya pernah dikeluarkan sebelum ini.

(Perhatian : Semua dokumen perlu dikemukakan melalui *softcopy* format PDF sahaja dimuatnaik dalam sistem SPPIK)

5. Tiada bayaran dikenakan bagi setiap permohonan PFA dan sijil boleh dimuat turun/dicetak melalui SPPIK setelah permohonan mendapat kelulusan daripada FINAS.

KEPAKARAN KARYAWAN FILEM YANG DISOKONG :

Sokongan kepada kemasukan pekerja filem asing selain kepakaran dinyatakan di bawah boleh dibuat berdasarkan kepada alasan yang kukuh oleh syarikat dan akan dipertimbangkan oleh FINAS.

- Pengarah Filem
- Pengarah Kreatif
- Pengarah Fotografi (DOP)
- Pelakon Utama
- Pengarah Lampu
- Pengarah Stunt
- Steadicam Operator

PEGAWAI DAGANG :

- Pengerusi Syarikat
- Ketua Eksekutif Syarikat
- Ahli Lembaga Syarikat
- Pemegang Syer Syarikat

Pautan SPPIK : www://sppik.finas.my
Website FINAS : <http://www.finas.gov.my>
E-mel : pelesenanfinas@gmail.com
Tel : 03-4104 1300 / 1458 / 1360